

Negara Berkecuali perlu

BN 12 MAR 1985

ikuti haluan asal: PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia malam ini melahirkan pandangan beratnya terhadap kecenderungan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali akhir-akhir ini yang bergerak ke arah fahaman radikal dan bergabung secara bersembunyi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hanya dengan mengikuti haluan berkecuali, barulah kewibawaan pergerakan itu dapat dipertahankan.

Beliau berucap demikian di majlis jamuan rasmi meraikan Perdana Menteri Yugoslavia yang sedang melawat negara ini, Puan Milka Planinc.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati Belgrade dan Kuala Lumpur sama-sama bimbang dan melahirkan hasrat untuk melihat pergerakan itu kembali kepada matlamat dan prinsip asalnya.

Beliau berkata Malaysia yakin Yugoslavia, sebagai salah sebuah negara pengasas Pergerakan Negara Berkecuali yang paling dihormati, akan melakukan segala usaha bagi menentu-

kan prinsip asal pergerakan itu dikekalkan.

"Peranan positif yang dimainkan oleh Yugoslavia, khususnya oleh mendiang Presiden Tito, ke arah kemajuan, pembangunan dan perpaduan pergerakan itu akan sentiasa diingat dan disanjung oleh semua negara anggota," kata beliau.

Mengenai Kampuchea, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai sokongan Yugoslavia terhadap Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea pimpinan Putera Norodom Sihanouk.

Kedaulatan nasional dan kewibawaan wilayah Kampuchea telah dicerobohi dengan perbuatan sewenang-wenangnya yang menyebabkan keamanan dan kestabilan Asia Tenggara terancam.

Beliau berkata cadangan negara ini bagi mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali (Zopfan) di rantau ini serupa dengan peranan Belgrade dalam menggesa pelaksanaan fasal-fasal dalam Dokumen Mukamad Persidangan Keselamatan dan Kerjasama di Eropah.

Mengenai perlucutan senjata, beliau berkata sementara sejumlah besar wang dan sumber telah disalurkan untuk pembangunan dan pengeluaran senjata nuklear dan konvensional, kemiskinan dan kebuluran masih melanda beratus-ratus juta penduduk dunia.

Semua negara itu hendaklah membaharui komitmen terhadap rancangan menyeluruh perlucutan senjata secara am, katanya.

Perdana Menteri juga bercakap mengenai perlunya usaha yang lebih besar di peringkat antarabangsa dalam membantu rakyat Palestin mendapatkan hak mere-

● PLO berhak putuskan nasib Palestin — Muka 2

ka yang sah untuk tinggal di tanah air mereka sendiri dan pengunduran tentera asing dari Afghanistan bagi membolehkan rakyatnya menikmati semula kemerdekaan dan kedaulatan, bebas daripada campurtangan dan gangguan asing.

Mengenai perang Iran-Iraq, beliau berkata Malaysia akan menyokong segala usaha untuk membawa keamanan di kawasan teluk itu.

Berhubung dengan soal Antartica, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau berharap Yu-

goslavia dapat memainkan tugas positif memupuk kerjasama antarabangsa yang lebih luas bagi menjamin benua itu dikendali dan dikuasai demi kepentingan manusia sejagat.

Bagi kerjasama dua pihak pula, Datuk Seri Dr Mahathir berkata sedang kerjasama yang bermakna wujud antara kedua-dua buah negara, firma-firma di Yugoslavia dan Malaysia juga hendaklah merebut peluang yang ditawarkan dalam bidang perdagangan, usaha sama dan pelaburan.

Ketika menyambut baik keputusan Yugoslavia mengadakan pameran dan seminar menge-

nai teknologi dan industri Yugoslavia di sini bulan depan, beliau berkata peristiwa itu akan menimbulkan kesedaran lebih mendalam terhadap barang keluaran dan teknologi Yugoslavia di kalangan rakyat Malaysia, khususnya masyarakat peniaga.